

01 SEPT 2025

Pusat Kawalan Dokumen
JABATAN PENDAFTAR UTM - BSM

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 1/10
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	

PROFIL PINDAAN

Edisi	No. Pindaan	No. BPD	Ringkasan Pindaan Dokumen	Disediakan Oleh	Disahkan Oleh	Tarikh Kuatkuasa
5	0	-	Dokumen Baharu	TP	TPK(BSM)	01.09.2025

Dokumen lengkap boleh didapati di dalam Borang Pindaan Dokumen mengikut nombor berkaitan dan tersimpan di Pusat Kawalan Dokumen Pengurusan Kualiti, Jabatan Pendaftar

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 2/10

1.0 TUJUAN

Arahan Kerja ini disediakan untuk menerangkan langkah-langkah bagi urusan Cuti yang diberi kerana Perkhidmatan bagi staf Universiti Teknologi Malaysia.

2.0 SKOP

Semua staf di Universiti Teknologi Malaysia mengikut Kumpulan staf yang berikut:

- 2.1 Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi
- 2.2 Staf Kumpulan Akademik
- 2.3 Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- 2.4 Staf Kumpulan Pelaksana

3.0 SUMBER RUJUKAN

- 3.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia : Kemudahan Cuti
- 3.2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024 : SSPA

4.0 DEFINISI

4.1 Staf Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Pengurusan Tertinggi Universiti yang meliputi jawatan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan.

4.2 Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Tenaga pengajar Universiti yang meliputi jawatan Profesor (Gred Khas VK5/VK6/VK7)

4.3 Staf Akademik

Tenaga pengajar Universiti yang meliputi jawatan Profesor Madya (Gred DS14), Pensyarah Universiti (Gred DS13), Pensyarah (Gred DS11), Guru Bahasa (Gred DG9/10/12/13/14).

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 3/10

4.4 **Kumpulan Pengurusan, Profesional & Pelaksana**

4.4.1 Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 9 hingga 14 yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah.

4.4.2 Staf Kumpulan Pelaksana Gred 1 hingga 8 yang mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, Sijil-sijil lain yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Diploma.

4.5 **Kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok**

CTR Kelompok merupakan gabungan 13 CTR sedia ada dengan tujuh (7) CTR baharu. Bilangan hari CTR Kelompok adalah maksimum 20 hari setahun kalendar. Penggunaannya adalah fleksibel mengikut keperluan pegawai tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Pegawai boleh mengambil mana-mana CTR mengikut syarat ditetapkan dan mengatur bilangan hari CTR yang diambil mengikut keperluan

4.6 **CTR Isteri Bersalin**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai lelaki untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin bermula pada tarikh isteri pegawai bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat.

4.7 **CTR Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat**

Kemudahan yang diberikan bagi urusan ahli keluarga yang meliputi suami, isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mertua, bapa mertua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto, dan anak pelihara adik-beradik, nenek dan datuk kepada pegawai diperuntukkan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan ahli keluarga terdekat.

4.8 **CTR Menjaga Ahli Keluarga Sakit**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai bagi tujuan menjaga ahli keluarga yang sakit meliputi keluarga pegawai sendiri (isteri/suami dan anak-anak), ibu kandung, ibu angkat, ibu mentua, ibu tiri, bapa kandung, bapa angkat, bapa mentua, bapa tiri, adik-beradik, nenek dan datuk

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 4/10

kepada pegawai. Istilah anak termasuk anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat de facto, anak pelihara dan anak tiri tanggungan.

4.9 **CTR Cuti Umrah**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang beragama Islam untuk menunaikan ibadah umrah di tanah suci Mekah dan ziarah di Madinah.

4.10 **CTR Keagamaan**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang bukan beragama Islam untuk mengunjungi dan melaksanakan aktiviti keagamaan di tempat-tempat keagamaan dalam dan luar negara mengikut agama dan kepercayaan masing-masing.

4.11 **CTR Mengambil Peperiksaan**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai untuk membolehkan seseorang pegawai menduduki sebarang peperiksaan bagi membaiki peluang hidup di masa hadapan

4.12 **CTR Hadir Mahkamah Luar Ibu Pejabat**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang disapina untuk hadir ke mahkamah di luar Ibu Pejabat sebagai saksi pihak bukan Kerajaan.

4.13 **CTR Menghadiri Aktiviti Koperasi**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang menjadi anggota koperasi untuk menghadiri aktiviti koperasi yang diadakan dalam atau di luar Malaysia.

4.14 **CTR Lawatan Kebudayaan Di Luar Negeri**

Kemudahan yang diberikan kepada Diberikan kepada pegawai yang dipilih untuk mengambil bahagian dalam lawatan kebudayaan di luar negeri.

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 5/10

4.15 **CTR Pertandingan Musabaqah Al-Quran**

Kemudahan yang diberikan kepada Diberikan kepada pegawai yang menyertai Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sebagai peserta atau pembimbing.

4.16 **CTR Jurulatih Program Khidmat Latihan Negara (PLKN)**

Kemudahan yang diberikan kepada Diberikan kepada pegawai yang dilantik sebagai jurulatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

4.17 **CTR Aktiviti Khidmat Masyarakat**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat dalam negara dengan pertubuhan yang diluluskan bagi menggalakkan penyertaan pegawai dalam aktiviti khidmat masyarakat.

4.18 **CTR Sumbangan Ilmu Peringkat Antarabangsa**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang memberi sumbangan ilmu di peringkat antarabangsa.

4.19 **CTR Program Pertukaran Peringkat Antarabangsa**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang mengikuti program pertukaran peringkat antarabangsa.

4.20 **CTR Menghadiri Mesyuarat/ Bengkel/ Seminar Anjuran Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK)**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai atau ahli Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) bagi menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh Pihak Pekerja MBK.

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 6/10

4.21 **CTR Hari Mengundi**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai bagi tujuan mengundi.

4.22 **CTR Rawatan Hemodialisis**

Kemudahan yang diberikan kepada pegawai bagi tujuan mendapatkan rawatan hemodialisis.

4.23 **CTR Perayaan (Good Friday, Deepavali, Christmas Eve, Hari Raya Haji Kedua dan Thaipusam)**

4.23.1 CTR Good Friday diberikan kepada pegawai yang menganut agama Kristian sempena perayaan Good Friday di negeri-negeri yang perayaan Good Friday bukan merupakan Hari Kelepasan Am

4.23.2 Bagi pegawai yang menganut agama Hindu yang berkhidmat di negeri-negeri yang perayaan Deepavali adalah merupakan Hari Kelepasan Am, CTR Deepavali diberikan bagi menyambut perayaan Hari Deepavali sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali

4.23.3 CTR Christmas Eve diberikan kepada pegawai yang menganut agama Kristian di negeri-negeri yang perayaan Christmas Eve bukan merupakan Hari Kelepasan Am

4.23.4 CTR Hari Raya Haji Kedua diberikan kepada pegawai yang beragama Islam iaitu pada hari kedua sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Raya Haji di negeri-negeri yang perayaan Hari Raya Haji Kedua bukan merupakan Hari Kelepasan Am

4.23.5 CTR Thaipusam diberikan kepada pegawai yang menganut agama Hindu bagi menyambut perayaan Thaipusam di negeri-negeri yang perayaan Thaipusam bukan merupakan Hari Kelepasan Am

01 SEPT 2025

Pusat Kawalan Dokumen
JABATAN PENDAFTAR UTM - BSM

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 7/10

5.0 SINGKATAN

Singkatan-singkatan yang akan digunakan di dalam dokumen ini adalah seperti di bawah iaitu:-

- 5.1 UTM - Universiti Teknologi Malaysia
- 5.2 BSM - Bahagian Sumber Manusia
- 5.3 TPK - Timbalan Pendaftar Kanan
- 5.4 TP - Timbalan Pendaftar
- 5.5 PP - Penolong Pendaftar
- 5.6 PT (P/O) - Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- 5.7 *Std.* - *Standard*
- 5.8 BPK - Buku Perkhidmatan Kerajaan
- 5.9 CTR - Cuti Tanpa Rekod
- 5.10 PTJ - Pusat Tanggungjawab

01 SEPT 2025

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 8/10

6.1 KETERANGAN PROSES KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK

Pegawai Bertanggungjawab	Tindakan
Pegawai	6.1.1 Mengemukakan borang permohonan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok - Lampiran SR.5.7.1(C) beserta dokumen berkaitan kepada Ketua Jabatan
PP PTJ, PT (P/O) PTJ	6.1.2 Menerima borang permohonan dan dokumen berkaitan daripada staf.
PP PTJ, PT (P/O) PTJ	6.1.3 Menyemak kelayakan CTR seperti di bawah:- 6.1.3.1 bilangan hari CTR Kelompok adalah maksimum 20 hari satu (1) tahun kalendar tertakluk kepada syarat khusus di Lampiran SR.5.7.1(A); 6.1.3.2 pegawai layak memohon CTR tertakluk kepada baki CTR Kelompok; 6.1.3.3 tempoh cuti termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am; 6.1.3.4 sekiranya pegawai memerlukan tempoh melebihi maksimum 20 hari atas sebab-sebab tertentu, maka pegawai boleh memohon untuk menggunakan kemudahan Cuti Rehat, Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkelayakan; dan

01 SEPT 2025

Pusat Kawalan Dokumen
JABATAN PENDAFTAR UTM - BSM

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	Pindaan: 0 Muka: 9/10


	<p>6.1.3.5 Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan. Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira keperluan dan kepentingan perkhidmatan dalam mempertimbangkan/ meluluskan permohonan kemudahan ini. Ketua Jabatan boleh memanggil balik pegawai jika ketiadaan pegawai di tempat kerja boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan awam.</p>
	<p>6.1.3.1 Jika pegawai tidak layak, staf dinasihatkan mengambil Cuti Rehat</p>
PP PTJ, PT (P/O) PTJ	6.1.4 Hantar borang permohonan yang lengkap kepada Ketua Jabatan
KJ	6.1.5 Meluluskan / tidak meluluskan permohonan 6.1.5.1 Jika permohonan tidak lulus, staf dikehendaki mengambil Cuti Rehat.
PP PTJ, PT (P/O) PTJ	6.1.6 Keluarkan surat kelulusan CTR yang berkaitan. 6.1.7 Rekod kelulusan CTR dalam BPK (Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti)

01 SEPT 2025

Pusat Kawalan Dokumen
JABATAN PENDAFTAR UTM - BSM

	JABATAN PENDAFTAR	JP/BSM/PPC/14.07 Tarikh Kuatkuasa: 01.09.2025 Edisi: 5 Pindaan: 0 Muka: 10/10
	ARAHAN KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK	

CARTA ALIR PROSES KERJA CUTI TANPA REKOD KELOMPOK

Standard	Carta Alir	Tanggungjawab
	 <pre> graph TD Mula([Mula]) --> 6.1.1[6.1.1] 6.1.1 --> 6.1.2[6.1.2] 6.1.2 --> 6.1.3{6.1.3} 6.1.3 -- Tidak Layak --> 6.1.3.1[6.1.3.1] 6.1.3 -- Layak --> 6.1.4[6.1.4] 6.1.4 --> 6.1.5{6.1.5} 6.1.5 -- Tidak Lulus --> 6.1.3.1 6.1.5 -- Lulus --> 6.1.6[6.1.6] 6.1.6 --> 6.1.7[6.1.7] 6.1.7 --> Tamat([Tamat]) </pre>	
	Isi borang permohonan CTR Kelompok - Lampiran S.R.5.7.1 (C)	Pegawai
	Menerima borang permohonan	PP PTJ, PT(P/O) PTJ
	Semak kelayakan	PP PTJ, PT(P/O) PTJ
	Hantar borang kelulusan kepada KJ	PP PTJ, PT(P/O) PTJ
	Kelulusan KJ	KJ
	Mengeluarkan surat kelulusan	PP PTJ, PT(P/O) PTJ
	Catat kelulusan di BPK dan Kenyataan Cuti	PP PTJ, PT(P/O) PTJ

7.0 REKOD

- 7.1 Borang Permohonan CTR - Lampiran SR.5.7.1(C)
- 7.2 BPK (Kenyataan Perkhidmatan)
- 7.3 BPK (Kenyataan Cuti)
- 7.4 Fail Peribadi Staf